



KENYATAAN MEDIA

MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR (NRE)

STATUS KUALITI UDARA 29 OGOS 2015 (SABTU)

Pada hari ini, bacaan Indeks Pencemar Udara (IPU) yang direkodkan pada **jam 11.00 pagi** menunjukkan 14 kawasan mencatatkan status kualiti udara pada tahap baik, 31 kawasan mencatatkan status kualiti udara pada tahap sederhana dan tiada kawasan mencatatkan bacaan IPU pada tahap tidak sihat. Bacaan IPU terkini setiap jam boleh dirujuk di laman web Jabatan Alam Sekitar (JAS) di alamat url, <http://apims.doe.gov.my>

Berdasarkan laporan oleh *ASEAN Specialised Meteorological Centre (ASMC)* yang berpusat di Singapura pada 28 Ogos 2015, bilangan titik panas (hotspot) yang dikesan melalui imej satelit *National Oceanic and Atmospheric Administration (NOAA)* 18 di Sumatera, Indonesia adalah sebanyak 3 titik panas (hotspot), manakala sebanyak 92 titik panas (hotspot) dikesan di Kalimantan, Indonesia. Bilangan titik panas (hotspot) di Sumatera, Indonesia tidak dapat dikesan sepenuhnya berikutan cerapan satelit tidak menyeluruh.

Secara keseluruhan, status kualiti udara pada pagi ini di kebanyakan kawasan berada pada tahap baik dan sederhana. Status kualiti udara di Pantai Barat Semenanjung Malaysia dan Sarawak kelihatan semakin baik dan tiada kawasan yang mencatatkan bacaan IPU pada tahap tidak sihat. Walau bagaimanapun, Jabatan

Alam Sekitar (JAS) masih terus memantau rapi status dan tren kualiti udara setiap jam berikutan keadaan jerebu masih tidak menentu dan jumlah titik-titik panas (hotspots) di Sumatera dan Kalimantan, Indonesia masih dikesan yang boleh menyebabkan pencemaran jerebu merentas sempadan berterusan ke Pantai Barat Semenanjung Malaysia dan ke negeri Sarawak.

Peta Jerebu Serantau yang dikeluarkan oleh ASMC pada 28 Ogos 2015 seperti di Rajah 1 menunjukkan masih terdapat lingkaran jerebu sederhana dari kawasan-kawasan kebakaran tanah dan hutan di Sumatera Tengah dan Selatan serta di Kalimantan Tengah dan Timur, Indonesia.

Selain itu, 6 titik panas (hotspot) dikesan dalam negara iaitu di negeri Sabah (4) dan Sarawak (2). Kesemua titik panas (hotspot) yang dikesan dalam negara akan disiasat dan diambil tindakan penguatkuasaan yang sewajarnya.

Bagi menangani cuaca panas dan kering, setiap agensi yang terlibat dalam pengurusan bencana jerebu sedang **mempertingkatkan usaha-usaha pencegahan ke atas aktiviti pembakaran terbuka** yang berpotensi menyebabkan jerebu di peringkat tempatan. Selain itu, pihak **Kerajaan Negeri dan Kerajaan Tempatan dan semua pemilik tanah dinasihatkan supaya memantau secara rapi kawasan-kawasan yang mudah dan sering terbakar seperti tapak pelupusan sampah, hutan, tanah gambut, ladang, kawasan pertanian dan industri dan mengambil langkah-langkah untuk mencegah pencerobohan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggung jawab sehingga menyebabkan pembakaran terbuka sama ada untuk tujuan tertentu atau dengan tidak sengaja.**

TINDAKAN DI PERINGKAT SERANTAU

Di peringkat serantau, Ketua Pengarah JAS pada 24 Ogos 2015 telah menulis surat kepada rakan sejawatannya di Kementerian Alam Sekitar dan Kehutanan, Indonesia bagi menyatakan kebimbangan Malaysia terhadap peningkatan bilangan titik panas (hotspot) di Sumatera dan Kalimantan, Indonesia yang telah menyebabkan jerebu berulang di negeri Sarawak. Dalam hal ini, **Malaysia turut menggesa pihak Indonesia untuk mengambil tindakan segera dalam menangani peningkatan bilangan titik panas (hotspot) dan menggiatkan usaha pemadaman kebakaran** yang telah berlaku di kawasan yang terlibat.

Mesyuarat Ke-17 Jawatankuasa Pemandu Peringkat Menteri iaitu *Sub-Regional Ministerial Steering Committee (MSC) on Transboundary Haze Pollution* dan Kumpulan Kerja Teknikal (*Technical Working Group - TWG*) yang dianggotai oleh negara Brunei Darussalam, Indonesia, Malaysia, Singapura dan Thailand telah berlangsung pada 27-28 Julai 2015 di Jakarta Indonesia . Semasa mesyuarat tersebut, para Menteri MSC turut mengalu-alukan penyertaan Indonesia sebagai negara Parti Ke-10 kepada Perjanjian ASEAN Mengenai Pencemaran Jerebu Merentas Sempadan apabila Kerajaan Indonesia mendepositkan instrumen ratifikasinya kepada Setiausaha Agung ASEAN pada 20 Januari 2015. Melalui ratifikasi sepenuhnya ini, negara-negara ASEAN dapat meningkatkan kerjasama bagi menangani masalah pencemaran jerebu merentas sempadan dengan lebih berkesan di bawah kerangka Perjanjian berkenaan.

YB Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) juga akan ke Indonesia dalam tempoh terdekat ini bagi bertemu rakan sejawatannya di Jakarta, Indonesia bagi membincangkan penyelesaian kepada masalah jerebu yang sedang melanda negara. Ini termasuk rundingan bagi mempercepatkan proses untuk memuktamadkan Perjanjian Persefahaman (MoU) dua hala mengenai program pencegahan pencemaran jerebu merentas sempadan antara Malaysia dan Indonesia.

TINDAKAN-TINDAKAN DI PERINGKAT TEMPATAN

Berikutan keadaan jerebu yang dialami, satu Mesyuarat Induk Jerebu Kebangsaan telah diadakan dan dipengerusikan oleh YB Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) pada 28 Ogos 2015. Mesyuarat ini bertujuan membincangkan tindakan pencegahan jerebu dan tindakbalas kecemasan antara agensi bagi menangani situasi jerebu yang tidak menentu semasa cuaca panas dan kering yang diramal berlanjutan sehingga bulan Oktober 2015.

Dalam usaha menangani musim panas dan kering Monsun Barat Daya, Kementerian ini melalui agensi di bawahnya dan pihak JAS terus mengambil beberapa tindakan, antaranya:-

1. Mengaktifkan **Pelan Tindakan Pencegahan Pembakaran Terbuka** di seluruh negara mulai bulan Februari 2015. Ia meliputi aktiviti-aktiviti rondaan darat bagi tujuan pemantauan dan penguatkuasaan terutamanya ke kawasan-kawasan yang telah dikenalpasti mudah terbakar, tindakan mahkamah bagi kes-kes pembakaran

terbuka di kawasan tapak binaan, industri dan ladang manakala bagi kes-kes pembakaran terbuka yang kecil tindakan kompaun akan dikenakan; mengeluarkan secara serentak surat-surat arahan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang bertanggungjawab ke atas tapak pelupusan sampah supaya mengambil langkah pencegahan serta sentiasa mengawal rapi dan memastikan tapak-tapak pelupusan tidak terbakar bagi mengelakkan jerebu, mempertingkatkan kempen-kempen kesedaran khususnya melalui radio tempatan bagi mengingatkan orang ramai untuk tidak melakukan pembakaran terbuka, penglibatan masyarakat setempat melalui Program Pasukan Pemantau Pencemaran (3P) bagi membantu memantau kes-kes pembakaran terbuka dan memperkemaskan sistem dan saluran komunikasi penerimaan aduan pembakaran terbuka dari orang ramai;

2. Pemantauan rapi ke atas kawasan-kawasan tanah gambut yang sering terbakar melalui pengaktifan **Prosedur Tetap Operasi (PTO) Program Pencegahan dan Pengurusan Tanah Gambut Sering Terbakar**;
3. Pengeluaran **Perintah Larangan Pembakaran Terbuka** bagi seluruh negeri Selangor, Melaka, Negeri Sembilan, WP Kuala Lumpur dan WP Putrajaya semenjak bulan Mac 2014. Melalui larangan pembakaran terbuka ini, semua aktiviti pembakaran terbuka di kawasan-kawasan yang berkenaan adalah dilarang sama sekali kecuali aktiviti tertentu iaitu pembakaran mayat, pembakaran bagi tujuan keagamaan, gril/barbeku dan pembakaran gas mudah terbakar (flaring). **Perintah Larangan tersebut sehingga hari ini masih berkuatkuasa**;
4. Penguatkuasaan semasa musim panas dan kering dipertingkatkan semenjak bulan Februari 2015 ke atas punca-punca pencemaran udara yang lain iaitu pelepasan asap dari kenderaan bermotor, pelepasan habuk dari kerja-kerja tanah dan pelepasan asap dari premis industri; dan
5. Pemantauan melalui udara (*aerial surveillance*) dilaksanakan bagi mencegah kebakaran hutan terutama di kawasan sering terbakar dan kawasan pedalaman yang berisiko tinggi berlaku kebakaran.

Berdasarkan siasatan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) pada tahun ini **sehingga 27 Ogos 2015, sebanyak 3,159 kes pembakaran terbuka telah dikesan** di seluruh negara iaitu pembakaran terbuka melibatkan kawasan hutan (568 kes), kawasan pertanian (1137 kes), kawasan industri (19 kes), kawasan pembinaan (60 kes), tapak pelupusan sampah (89 kes), kawasan belukar (616 kes) dan lain-lain pembakaran terbuka kecil (670).

Bagi tindakan penguatkuasaan untuk tempoh yang sama, sebanyak **211 kes pembakaran terbuka telah dikenakan tindakan kompaun dan 15 kes telah dikeluarkan Notis Arahan dan 40 kes telah dikeluarkan Surat Arahan**. Selain itu, sebanyak **17 kes pembakaran terbuka telah disediakan kertas siasatan untuk diambil tindakan mahkamah**.

Dalam situasi jerebu, tindakan penguatkuasaan yang lebih tegas terus diambil sehingga boleh membawa kepada tindakan penangkapan ke atas mana-mana individu yang dipercayai dengan munasabah telah melakukan kesalahan di bawah peruntukan Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS) 1974 untuk membantu penyiasatan. Berikutan dengan berkuatkuasanya Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, (Pindaan) 2012 mulai 2 Januari 2013 yang memberi **kuasa menangkap penjenayah alam sekitar yang disyaki tanpa waran** di bawah peruntukan Seksyen 137 C, seramai 194 orang pegawai JAS telah diberikan surat kuasa khas dan latihan serta dalam keadaan bersiap sedia bagi melaksanakan peruntukan ini terutama bagi kesalahan yang menjejaskan kepentingan dan kesihatan awam termasuklah melakukan pembakaran terbuka.

NASIHAT KEPADA ORANG AWAM

Semua pihak dinasihatkan agar tidak melakukan pembakaran terbuka atau membiarkan tanah atau premis kepunyaan mereka dimasuki atau dicerobohi oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab sehingga menyebabkan pembakaran terbuka untuk tujuan tertentu atau dengan tidak sengaja.

Menurut Seksyen 29(A), Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, mereka yang disabitkan dengan kesalahan melakukan pembakaran terbuka boleh dikenakan denda tidak melebihi RM 500,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya sekali. Kompaun maksimum sebanyak RM 2000 juga boleh dikenakan atas setiap kesalahan.

Orang ramai juga diminta bekerjasama untuk memadam kebakaran-kebakaran kecil dan juga melaporkan kes-kes pembakaran terbuka atau kebakaran kepada Jabatan Perkhidmatan Bomba dan Penyelamat di talian **999** dan Jabatan Alam Sekitar (JAS) di talian bebas tol, **1-800-88-2727**.

Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar

29 Ogos 2015

PETA JEREBU SERANTAU, 28 OGOS 2015

(Sumber : ASEAN Specialised Meteorological Centre, Singapura)

